

Rakyat yakin dasar kerajaan BN: Najib

BH- 10/4/2007

Abdullah tak perlu turun berkempen pilihan raya kecil

**Pilihan raya kecil
DUN Machap**

Oleh Abdul Halim Yusoff dan
Osman Lisut

ALOR GAJAH: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak perlu turun berkempen pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Machap, Khamis ini kerana rakyat sudah yakin dengan kepemimpinan Perdana Menteri.


Beliau berkata, menjadi dasar Barisan Nasional (BN), Perdana Menteri tidak perlu turun berkempen pada pilihan raya kecil dan rakyat pula yakin dengan dasar yang sudah diumumkan termasuk Misi Nasional serta Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Bagi (pilihan raya kecil) kawasan Batu Talam baru-baru ini, Perdana Menteri tidak perlu turun, kita menang besar dan yang lawan kita hilang deposit, sebab keyakinan kepada kerajaan yang dipimpin Perdana Menteri itu cukup kuat, tidak perlu Perdana Menteri sendiri turun," katanya kepada pemberita pada Majlis Sepetang Bersama Timbalan Perdana Menteri di Felda Tun Ghafar Hutan Percha dekat sini, semalam.

Hadi sama Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Yusof Nor.

Najib yang juga Timbalan Pengerusi BN mengulas dakwaan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng kononnya selagi Perdana Menteri tidak turun berkempen, calon DAP tidak akan hilang wang deposit.

Pada tempoh berkempen bagi pilihan raya kecil DUN Machap memasuki dua hari terakhir, DAP mem-



TEMUI PEMIMPIN: Najib bersalaman dengan penduduk yang menyambut kehadiraninya sempena Majlis Sepetang Bersama Timbalan Perdana Menteri di Felda Tun Ghafar Hutan Percha, semalam.

pertingkatkan perang psikologi dengan mengatakan calonnya akan kehilangan deposit sekiranya Abdullah berkempen untuk BN.

Pada pilihan raya umum 2004, calon BN ketika itu, mendiang Datuk Wira Poh Ah Tiam menang kerusi DUN Machap dengan kelebihan 4,562 undi menewaskan Liou Chen Kuang daripada DAP, iaitu calon sama yang diturunkan pembangkang kali ini.

Mengulas lanjut mengenai kenyataan Guan Eng, Najib berkata, ia adalah cara DAP untuk mengacah dan mencabar BN tetapi parti itu tidak akan melatah dengan taktik mereka.

Ditanya mengenai 700 ahli DAP Johor yang beralih menyertai MCA

dan sebagai petanda baik untuk saingan di Machap, Najib berkata, BN memang yakin untuk menang kerana tiada isu tempatan yang boleh dibangkitkan pembangkang.

"Boleh dikatakan semua isu tempatan sudah diberi tumpuan oleh kerajaan, sama ada Pusat atau negeri. Jadi, apabila rakyat sudah selesai dan berpuas hati, tidak timbullah kemarahan mereka atau terfikir untuk mencari alternatif, melainkan mereka sengaja memilih pembangkang," katanya.

Mengenai pakatan antara DAP dan Parti Keadilan Rakyat (Keadilan), beliau berkata, ia bukan perkara baru kerana kedua-dua parti itu sudah bekerjasama pada pilihan raya 2004

tetapi BN masih tetap memenangnya.

"Jika mereka bekerjasama sekali pun, kita akan terus kerja kuat dan berpegang kepada strategi kita bagi meneruskan apa yang sudah dilakukan selama ini," katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya, Najib mengumumkan peruntukkan sebanyak RM3.7 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk tiga projek pembangunan di kawasan Felda Tun Ghafar Hutan Percha.

Projek berkenaan ialah menaik taraf paip air bernilai RM3 juta, pembinaan dewan serba guna (RM600,000) dan membina bangunan tambahan Masjid Felda Tun Ghafar Hutan Percha bernilai RM100,000.